

Perkukuh mekanisme akta atasi ucapan kebencian dalam talian



Pensyarah Kanan
Pusat Pengajian
Undang-Undang,
Universiti Utara
Malaysia (UUM)

Oleh Dr Hafidz Hakimi Haron
bhrencana@bh.com.my

Ucapan kebencian tersebar dalam medium dalam talian sukar dikawal selia kerana sifatnya tanpa nama (anonymous), berterusan dan mengasyikkan.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mentakrifkannya sebagai 'apa sahaja bentuk komunikasi menyerang atau mendiskriminasi seseorang atau kumpulan berdasarkan faktor seperti agama, etnik, wang negara, bangsa, warna kulit, keturunan jantina atau faktor identiti lain'.

Di negara ini, ucapan kebencian mem-babitkan isu kaum, Raja dan agama (3R) mendominasi media sosial, sekali gus menjadi punca utama perdebatan di alam maya. Isu 3R ini boleh dianggap duri dalam daging dalam usaha menyuburkan keharmonian antara kaum dalam masyarakat pelbagai kaum, agama dan kepercayaan.

Lebih membimbangkan, belia sebagai segmen pengguna internet terbesar menjadi sasaran utama bagi tujuan indoktrinasi dan radikalisasi menerusi ucapan kebencian dalam talian.

Tinjauan Pusat Serantau Asia Tenggara Bagi Mencegah Keganasan (SEARCCT) mendedahkan ada bukti kumpulan penganas mula menggunakan permainan video dalam talian untuk merekrut generasi muda. Kumpulan penganas ini turut menggunakan *dark web* untuk menyebarkan dakwah keganasan melalui kempen kebencian.

Sebahagian sarjana menganggap ucapan kebencian itu adalah satu bentuk keganasan bukan bersifat fizikal yang bergantung kepada kerosakan emosi dan psikologi bagi mencapai matlamat sama seperti keganasan fizikal.

Umumnya, hak kebebasan bersuara dijamin di negara ini dan dunia, tetapi ia bersifat terhad dan tidak mutlak.

Contohnya, Perkara 19 Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) mengizinkan sekatan perundangan dibuat bagi menyekat hak kebebasan bersuara atas alasan melindungi ketenteraman awam, prinsip moral dan kebajikan am.

Perkara 19 (3) Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Sivill dan Politik (ICCPR) pula menegaskan hak kebebasan bersuara boleh disekat untuk melindungi keselamatan negara dan ketenteraman awam.

Di negara ini, hak kebebasan bersuara dilindungi di bawah Perkara 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan, tetapi ia boleh disekat melalui penguatkuasaan undang-undang seperti termaktub di bawah Perkara 10(2)(a) dan Perkara 10(4).

Lindungi ketenteraman awam

Antara justifikasi Parlimen dibolehkan menggubal undang-undang menyekat kebebasan bersuara adalah sekiranya bertujuan melindungi ketenteraman awam dan mengelakkan isu sensitif seperti hak keistimewaan Bumiputera dan kedaulatan Raja Melayu dipersoalkan.

Sekatan ini turut mencakupi isu berkaitan ucapan kebencian, termasuk isu 3R.

Namun hingga kini, Malaysia belum mempunyai undang-undang khusus untuk mengawal ucapan kebencian, sama ada disebarkan dalam talian atau menggunakan saluran konvensional.

Oleh itu, undang-undang berkaitan dengan kawalan ucapan kebencian dikawal selia perundangan berasingan dikelaskan berdasar medium, perkara ataupun situasi berhubung kait dengan ucapan

“Malaysia belum ada undang-undang khusus untuk mengawal ucapan kebencian, sama ada disebarkan dalam talian atau menggunakan saluran konvensional”

berkenaan.

Antaranya, Akta Hasutan 1948, yang menjenahkan apa disifatkan 'kecenderungan menghasut' seperti menimbulkan perasaan permusuhan antara kaum dan mempersoalkan hak keistimewaan dilindungi Perlembagaan Persekutuan.

Namun, akta ini sering berdepan kritikan kerana dianggap legasi kolonial British, selain ada menganggap ia bersifat menekan kerana takrifan kecenderungan menghasut bersifat longgar dan kabur.

Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, menerusi Seksyen 233 dan Seksyen 211 juga berperanan penting mengawal selia kandungan dalam talian, termasuk mengawasi kandungan berbaur ucapan kebencian.

Walaupun peruntukan ini tidak menyatakan secara jelas, ucapan kebencian boleh diklasifikasikan sebagai kandungan jelik apabila dibaca bersama Perkara 6.1 Kod Kandungan 2022 mentakrifkan ucapan kebencian.

Namun, menurut Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), ada peningkatan ketara berkenaan aduan berkaitan ucapan kebencian pada 2023 kerana 2,858 aduan dilaporkan berbanding 422 (2022).

Ini menimbulkan tanda tanya sejauh mana keberkesanan perundangan sedia ada dalam membendung ucapan kebencian.

Lebih membimbangkan, kawalan sendiri diamalkan penyedia media sosial dilihat tidak memadai. Malah di United Kingdom (UK), syarikat media sosial dikritik hebat kerana dianggap gagal membendung ucapan kebencian hingga tercetusnya rusuhan kaum.

Situasi ini menimbulkan persoalan mengenai tanggungjawab, integriti dan liabiliti pengendali platform media sosial dalam memastikan kandungan di platform mereka selamat untuk kegunaan umum.

Justeru, langkah lebih proaktif perlu diambil, termasuk dengan memperkukuhkan mekanisme perundangan sedia ada, mempererat kerjasama antara pihak berkepentingan dan mempromosikan pendidikan literasi digital.